



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 35/05/19**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUPULIH PERTUTURAN (SPEECH THERAPIST / PATHOLOGIST)
(B.2 EB.3)
UNIT PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian II

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;

- ✓ Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf

- ✓ SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



		Title of Examination	University/College	Result of Examination	Upload File
		BACHELOR OF ARTS	Universiti Brunei Darussalam	PASS	DEGREE.pdf
		Field			
		BUSINESS ADMINISTRATION			
		+ Add			



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee"/"Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee

Current Government Employee

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	



- | |
|---|
| <p>1. JUUPULIH PERTUTURAN (SPEECH THERAPIST / PATHOLOGIST)
UNIT PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)</p> |
|---|

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Speech Pathology / Speech Language Therapy / Speech Science / Speech & Language Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Mempunyai Sijil Perguruan / Sijil Pendidikan Khas / Diploma Lepas Ijazah atau sebanding dalam jurupulih percakapan dan pertuturan adalah kelebihan.
3. Mempunyai pengalaman dalam membantu kanak-kanak atau pelajar yang mempunyai masalah dalam bidang pertuturan dan percakapan adalah kelebihan.
4. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyelaras serta membuat perancangan mengenai program khidmat bantu kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan.
2. Memberi latihan kepada guru-guru Pendidikan Khas dan ahli-ahli komiti peringkat sekolah untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan.
3. Meningkatkan pengetahuan serta bimbingan kepada guru-guru yang terlibat mengajar pelajar-pelajar yang mempunyai masalah percakapan dan pertuturan di sekolah.
4. Memberi latihan serta bantuan kepada pelajar-pelajar atau ibubapa dalam pemulihan pertuturan dan percakapan.



5. Membantu dalam penyelidikan dalam bidang-bidang masalah pertuturan dan percakapan dari semasa ke semasa.
6. Mengadakan bengkel / kursus kepada guru-guru mengenai masalah pertuturan dan percakapan.
7. Menyediakan bilik sumber untuk latihan dan bantuan kepada pelajar-pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan.
8. Bekerjasama dengan perkhidmatan-perkhidmatan Unit Pendidikan Khas yang lain yang berkaitan dengan program pembelajaran bagi pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan.
9. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dan sebagai ahli dalam *Interagency Service Provider Meeting*.
10. Menyediakan laporan serta penilaian mengenai perkhidmatan bantuan pelajar yang mempunyai masalah pertuturan dan percakapan.